

10/12/2003

Pesanan Dr M di Fukuoka

A Ghani Nasir

FUKUOKA: Bagaimanakah Jepun dan Asean dapat menyumbang ke arah mewujudkan kestabilan kepada rantau Asia Pasifik akan menjadi tajuk utama disentuh oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak Kenang-kenangan Asean-Jepun di sini, hari ini.

Bekas Perdana Menteri dijangka bercakap mengenai Pesanan Saya kepada pemimpin masa depan di Asia: Ke Arah Kestabilan.

Selepas menyampaikan ucapan dan sesi soal jawab, satu perbincangan panel diadakan disertai oleh Ketua Puteri Umno, Datuk Azalina Othman, mewakili Malaysia, Surananda Vejjajika (Thailand), Heri Akhmadi (Indonesia) dengan Akiko Kato (Jepun) sebagai penyelaras.

Kenyataan yang dikeluarkan penganjur iaitu Kementerian Luar Jepun, syarikat akhbar Mainichi dan RKB Broadcasting menjelaskan memandangkan globalisasi tidak dapat dielakkan pada abad ke-21, negara di rantau Asia harus bersatu dan menjadi lebih rapat lagi.

Sidang itu adalah acara terakhir Tahun Persahabatan Jepun-Asean dan bertujuan membincangkan dengan lebih mendalam membabitkan pemimpin muda yang berkaliber dan mampu menerajui negara di rantau ini.

Dr Mahathir tiba di sini bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan dijangka ke Korea Selatan selepas persidangan itu.

Beliau dijangka menekankan betapa pemimpin muda perlu mengetahui dan memahami cara mengurus masa depan dengan menyedari keadaan masa lalu dan sedar dari mana mereka berasal sambil menjenguk masa depan.